

Barisan peneraju Persatuan Mahasiswa SPKAL 2012 dilantik

UB 28.03.2012 A2

LABUAN: Pelajar Tahun Dua, Dayang Hadiyah Awang Sepuan telah dipilih sebagai Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (PMSPKAL), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang baru bagi Sesi 2012.

Timbalan Yang Dipertua disandang oleh Johnny Chai Sheng Huat, Setiausaha, Yeap Peik Wen

dan Bendahari, Tan Wei Yang.

Majlis pelantikan jawatan itu diadakan pada 21 Mac lalu di Tingkat 11, Bangunan Menara UMS-KAL dan disaksikan oleh Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki.

Turut hadir Penyelaras Persatuan Mahasiswa Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan,

Ling Tai Hu dan Ricky Chia Chee Jiun.

Dalam ucapannya, Norazah berterima kasih atas sumbangan Ahli Jawatankuasa PMSPKAL sesi 2011 serta mengalakkan barisan baru meneruskan usaha meningkatkan prestasi serta imej PMSPKAL.

“Saya mengingatkan mahasiswa dan mahasiswi agar tidak mengejar kecemerlangan kokurikulum sebaliknya perlu menjaga

keseimbangan antara akademik dan kokurikulum,” katanya.

Enam lagi pelajar dilantik sebagai majlis eksekutif iaitu Exco Akademik, Liu Hui Ching, Exco Diplomatik, Suria Kumar a/l Hari Krishnan, Exco Kebajikan, Nurul Aisyah Mohd Ladin, Exco Keusahawanan, Chia Boon Cheng, Exco Publisiti, Teh Chin Wei dan Exco Antarabangsa, Zhang Yu Chan.